



KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH
Blok C, Pusat Pentadbiran Negeri Sabah
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat
88400 KOTA KINABALU
Sabah, Malaysia
Tel.: 088-368000 Faks: 088-213584
Website: www.mof.sabah.gov.my

Tel. : 088-368320/068/038
KEW(S) 400-0/2/23
Bil. : 28 Januari 2022
Tarikh :

NOTIS PENGUMUMAN

Kepada sesiapa yang berkenaan,

YBhg Datuk/Tuan/Puan,

**PELAKSANAAN CUKAI JUALAN NEGERI (CJN) KE ATAS BESI BURUK
BUANGAN DIBAWA KELUAR DARI SABAH**

Dengan hormatnya, perkara tersebut di atas adalah dirujuk.

Tarikh Kuatkuasa

2. Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri melalui Perintah Cukai Jualan Negeri (Kadar Cukai) 2022 akan mula mengenakan Cukai Jualan Negeri Ke Atas Besi Buruk Buangan Yang Dibawa Keluar Dari Sabah berkuatkuasa pada **1 Februari 2022**.

Barang-Barang Yang Kena Dibayar Cukai Jualan Negeri dan Kadar Cukai

3. Seperti yang diperuntukkan dibawah Perintah Cukai Jualan Negeri (Kadar Cukai) 2022 adalah seperti berikut:-

Bil.	Barang	Kadar Cukai
1.	Besi buruk buangan yang dibawa keluar dari Sabah	RM 200 se tan metrik*

* berdasarkan kuantiti yang diisyihar di Borang Kastam K2 atau K3.

4. Berikut adalah senarai jenis-jenis Besi Buruk Buangan yang dikenakan CJN di bawah HS Code Jabatan Kastam Diraja Malaysia iaitu:

No.	HS Code	Jenis-jenis Besi Buruk
1.	72041	Besi buruk buangan termasuk besi lebur semula jenis ferus (<i>ferrous</i>) yang terdiri daripada besi atau besi keluli.

.../2

“SABAH MAJU JAYA”



(2)

KEW(S) 400-0/2/23

28 Januari 2022

**PELAKSANAAN CUKAI JUALAN NEGERI (CJN) KE ATAS BESI BURUK
BUANGAN DIBAWA KELUAR DARI SABAH**

No.	HS Code	Jenis-jenis Besi Buruk
1.1	7204100000	Besi buruk buangan jenis besi tuang iaitu periuk besi, kuali besi dan semua produk besi buangan yang diperbuat daripada besi tuang.
1.2	7204210000	Besi buruk jenis besi keluli.
1.3	7204290000	Jenis-jenis besi buruk buangan lain yang tertakluk di bawah takrifan Jabatan Kastam Diraja Malaysia.
1.4	7204300000	Besi buruk buangan jenis besi atau besi keluli dalam bentuk tin atau kontena, misalnya tin ikan sardin.
1.5	7204410000	Besi buruk buangan jenis besi yang sudah dibengkokkan, besi yang diketam, serpihan, sisa perkilangan, habuk besi, besi tampalan, besi pemangkas & besi setem (<i>metal stamp</i>), sama ada berkelompok atau tidak.
1.6	7204490000	Lain-lain besi buruk buangan di bawah takrifan Jabatan Kastam Diraja Malaysia.
1.7	7204500000	Besi buruk dilebur semula menjadi bentuk jongkong besi.

Pembayaran CJN

5. Pihak pengeksport hendaklah mengemukakan taksiran dan membayar CJN sebelum pengeksportan atau pemindahan Besi buruk buangan dibuat.

.../3

“SABAH MAJU JAYA”

(3)

KEW(S) 400-0/2/23

28 Januari 2022

PELAKSANAAN CUKAI JUALAN NEGERI (CJN) KE ATAS BESI BURUK BUANGAN DIBAWA KELUAR DARI SABAH

Tempoh Penangguhan (Grace Period)

6. Bagi memberi ruang dan masa kepada pembayar cukai untuk mengadaptasi proses pembayaran CJN baharu ini, Kerajaan Negeri membenarkan tempoh penangguhan (*grace period*) **selama 2 bulan bermula 1 Februari 2022 sehingga 31 Mac 2022**. Dalam tempoh tersebut, pembayaran CJN dibenarkan dibuat selepas pengeksportan atau pemindahan. Walau bagaimanapun, pengeksport hendaklah membuat pembayaran dalam tempoh 28 hari daripada tempoh yang kena dibayar cukai Contohnya, pengeksportan yang dibuat pada bulan Februari hendaklah dibayar cukainya sebelum atau pada 28hb-Mac.

Pendaftaran Lesen CJN

7. Selaras dengan Seksyen 10 (1), Enakmen Cukai Jualan Negeri 1998, setiap orang yang dikenakan cukai iaitu orang yang menjalankan perniagaan menjual atau membekalkan barang-barang yang dimaksudkan di perenggan 3 hendaklah mendaftar dan memohon lesen CJN daripada Kementerian Kewangan Negeri. Pendaftaran boleh dibuat secara atas talian melalui laman web <https://cukaijualannegeri.sabah.gov.my/>.

Pertanyaan

8. Untuk penerangan lanjut dan panduan ke atas CJN ini, YBhg Datuk/Tuan/Puan juga boleh merujuk laman sesawang Kementerian Kewangan di <https://mof.sabah.gov.my/>. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila berhubung dan merujuk kepada Pejabat Cukai Jualan Negeri, Bahagian Kewangan dan Ekonomi di talian 088-368071/038/914.

Sekian dan harap maklum.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

(HAJI RUSDIN RIMAN C.A(M),FCPA(A), CPFA(UK))

Setiausaha Tetap

Selaku Pengarah Cukai Jualan Negeri

s.k. Peguam Besar Negeri Sabah
Jabatan Peguam Besar Negeri Sabah
Aras 22 & 23, Blok A, Pusat Pentadbiran Negeri Sabah
KOTA KINABALU

“SABAH MAJU JAYA”

s.k Setiausaha Tetap
Kementerian Pembangunan Perindustrian
Tingkat 5, Wisma Kewangan
88593 KOTA KINABALU

Pengarah
Jabatan Pembangunan Perindustrian dan Penyelidikan (DIDR)
Tingkat 7 & 8, Blok C,
Wisma Tun Fuad Stephens, Karamunsing
88300 KOTA KINABALU

Bendahari Negeri
Jabatan Bendahari Negeri
Level 10, Blok A
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah
88400 KOTA KINABALU

Timbalan Pengarah Kastam Operasi Perkastaman Zon Sabah
Jabatan Kastam Diraja Malaysia Zon Sabah
Aras 7, Wisma Kastam Sabah, Jalan UMS
88400 KOTA KINABALU
Faks: 242160

“SABAH MAJU JAYA”